

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

YTP 221/YFP 303 - Penerbitan Audio

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan TIGA soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA (2) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Sebuah majalah radio adalah satu saluran yang berkesan untuk menyalurkan berita-berita lembut. Merujuk kepada penerbitan majalah kumpulan anda, bincangkan sama ada majalah tersebut telah berjaya memuatkan berita dan maklumat yang berguna kepada pendengar sasaran anda. Bincang juga sama ada format-format yang digunakan untuk setiap komponen majalah tersebut sesuai untuk menyampaikan maklumat dengan menarik.

(60 markah)

2. Rancangan-rancangan radio boleh dibahagikan kepada format asas dan format kompleks. Beri contoh dan huraikan dua format asas dan dua format kompleks dengan menerangkan peranan suara, muzik, bunyi dan teknik persembahan.

(40 markah)

...2/-

3. Apakah perbezaan di antara satu temuramah yang dijalankan secara langsung dalam studio kontinuiti dan satu temuramah yang dirakamkan dengan menggunakan alat perakam? Bincangkannya daripada segi pemilihan tetamu, penyediaan untuk temuramah, gaya penyampaian soalan dan kesannya kepada pendengar.

(40 markah)

-ooOoo-